



Kewajipan, Maruah, Integriti

GARIS PANDUAN PELAJAR PASCA SISWAZAH MOD PENYELIDIKAN MENJALANKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA MULAI 20 MEI 2020

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan bagi pasca siswazah mod penyelidikan di UPNM. Ianya juga adalah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan sepanjang tempoh Pasca PKP ini berlangsung.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menyenaraikan secara terperinci aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang tempoh pasca PKP, di samping mengamalkan langkah berjaga-jaga dalam usaha untuk mengelakkan jangkitan COVID-19 semasa pelaksanaan aktiviti penyelidikan yang berkaitan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini adalah selaras dengan pengumuman pelaksanaan perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) dan pembukaan sektor-sektor ekonomi dan sektor awam bermula 4 Mei 2020. Panduan ini juga merujuk kepada panduan Sektor R&D Dan Makmal-Makmal Ujian yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI pada 4 Mei 2020.
- 2.2 Penularan wabak COVID-19 telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan penjawat awam, beberapa tindakan perlu dilaksanakan untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif.
- 2.3 Walau bagaimanapun selaras dengan pindaan dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) maka satu SOP yang lebih terperinci perlu digariskan bagi memastikan para penyelidik dapat meneruskan aktiviti penyelidikan, Universiti Awam telah menggariskan beberapa langkah tindakan yang boleh dipraktikkan sepanjang tempoh PKPB dan ianya tertakluk kepada panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi.
- 2.4 Garis panduan ini juga dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada pelajar siswazah mod penyelidikan UPNM bagi pelaksanaan aktiviti penyelidikan sepanjang tempoh PKPB.

3. KAEDAH PELAKSANAAN AKTIVITI MAKMAL MULAI 20 MEI 2020

3.1 Waktu Beroperasi

Waktu beroperasi yang ditetapkan adalah mengikut kepada Surat Edaran Operasi Pejabat Kerajaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Garis Panduan Pengoperasian Pejabat bagi Pegawai Sepanjang Tempoh Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh pihak JPA.

Pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada arahan dari masa ke semasa oleh Kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelajar pasca siswazah juga diwajibkan membawa kad matrik setiap kali keluar masuk kampus dalam tempoh ini.

3.2 Peraturan Masuk Ke Kampus bagi Pelajar Pasca Siswazah

Sebelum dibenarkan masuk kampus, semua pelajar pasca siswazah diwajibkan mengambil tindakan seperti berikut:

3.2.1 Deklarasi Kesihatan

Semua pelajar pasca siswazah diwajibkan untuk mengisi Borang Deklarasi Kesihatan (Borang A) seperti mana arahan oleh pihak Universiti.

Laporan kesihatan perlu diperakukan oleh Pusat Kesihatan UPNM pada hari pertama hadir ke UPNM (mengikut tarikh surat kelulusan) sebelum pelajar dibenarkan masuk ke dalam makmal/bengkel/studio/lokasi kerja di UPNM. Pelajar pasca siswazah yang tidak sihat atau mempunyai simptom-simptom umum COVID-19 tidak dibenarkan masuk ke dalam kampus.

Pelajar perlu menunjukkan/membawa borang pengesahan dari Pusat Kesihatan UPNM berserta surat kelulusan kerja di pintu masuk utama setiap kali masuk ke UPNM. Pelajar pasca siswazah juga wajib menjalani imbasan suhu badan di pintu masuk utama UPNM atau di mana-mana lokasi yang membuat operasi pemeriksaan.

Sekiranya pelajar pasca siswazah tidak sihat dan mempunyai simptom seperti dinyatakan, pelajar perlu mendapatkan pengesahan kesihatan dengan menggunakan Borang Pengisytiharan Kesihatan di klinik kesihatan di luar terlebih dahulu sebelum masuk ke UPNM. Kos rawatan tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti.

3.2.2 Pelajar pasca siswazah boleh dikenakan tindakan di bawah Akta 324 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 jika didapati tidak/gagal/cuai mengisytiharkan mempunyai simptom (sekiranya ada).

- 3.2.3 Semua pelajar pasca siswazah adalah diwajibkan memohon kelulusan masuk kampus menggunakan Borang GERAK yang boleh dicapai melalui aplikasi Microsoft Forms yang ditetapkan dan hanya pelajar pasca siswazah yang mempunyai kelulusan rasmi akan dibenarkan masuk ke kampus. Kelulusan penggunaan fasiliti di UPNM adalah untuk tempoh maksimum 14 hari sahaja bagi setiap permohonan yang dikemukakan. Pelajar perlu mengisi semula borang tersebut semula apabila tempoh kelulusan tamat.

Pelajar juga perlu menggunakan akaun emel masing-masing bagi tujuan permohonan masuk kerja di UPNM.

Carta alir prosedur permohonan kelulusan dan prosedur memasuki UPNM adalah seperti di Lampiran I dan Lampiran II.

- 3.2.4 Permohonan melaksanakan tugas di makmal oleh pelajar pasca siswazah.

3.2.4.1 Pelajar pasca siswazah di semester akhir akan diberi keutamaan untuk menjalankan dan meneruskan penyelidikan di makmal-makmal yang berkaitan;

3.2.4.2 Keutamaan juga diberikan kepada pelajar yang berada di sekitar kawasan kampus dan perlu menjalankan penyelidikan berdasarkan kepada keperluan kritikal;

3.2.4.3 Pelajar boleh memohon kebenaran untuk masuk ke makmal melalui Penyelia dan penyelia perlulah memohon kelulusan dari pihak Fakulti/Pusat Pengajian dengan menyertakan sekali keputusan kesihatan sebelum pelajar dibenarkan melaksanakan tugas di makmal:

3.2.4.4 Surat atau email kelulusan yang di keluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS) perlu disalinkan kepada Bahagian Keselamatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Bahagian PSM, Fakulti/Pusat Pengajian yang berkaitan.

3.2.4.5 Pelajar yang telah diluluskan menjalankan kerja di makmal/ruang kerja perlu mengambil tindakan sepertimana yang telah termaktub di dalam Garis Panduan ini.

3.3 Merekod Kehadiran

Pelajar pasca siswazah yang bekerja di makmal adalah diwajibkan untuk merekodkan kehadiran dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.3.1 Kehadiran pelajar pasca siswazah perlu dicatat di buku rekod log kehadiran yang disediakan di setiap makmal dengan menyatakan butiran seperti berikut:

3.3.1.1 Tarikh Aktiviti

3.3.1.2 Masa Aktiviti

- 3.3.1.3 Lokasi
- 3.3.1.4 Tujuan aktiviti diadakan
- 3.3.1.5 Senarai Nama staf/pelajar pasca siswazah (nama penuh dan nombor matrik/nombor kad pengenalan)
- 3.3.1.6 Nombor telefon untuk dihubungi

3.4 Pelaksanaan Aktiviti Makmal Berkaitan Penyelidikan

Garis panduan pelaksanaan aktiviti ini adalah merujuk kepada Garis Panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak MOSTI dan KPT dan pemakaiannya adalah berkuatkuasa mulai 13 Mei 2020 sehingga fenomena COVID-19 ini dapat diatasi.

3.4.1 Tatacara Pelaksanaan Aktiviti Makmal Penyelidikan Mulai 13 Mei 2020

Susulan dengan pelanjutan tempoh PKP fasa ke 4 dan PKPB mulai 13 Mei 2020, pelaksanaan semua aktiviti penyelidikan boleh dilaksanakan berdasarkan kepada panduan dari MOSTI dan KPT. Secara ringkasnya perkara dibawah perlu diambil tindakan:

- 3.4.1.1 Semua ketua makmal perlu mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar pasca siswazah yang berada dalam makmal pada sesuatu masa dan kehadiran staf/pelajar boleh dibuat secara giliran iaitu dengan memastikan ianya tidak melebihi 30% dari jumlah keseluruhan staf/pelajar yang berada di makmal penyelidikan berkenaan;
- 3.4.1.2 Semua makmal perlu memastikan aliran pengudaraan berfungsi dengan baik;
- 3.4.1.3 Bagi pelaksanaan tugas di makmal, Ketua Universiti Awam perlu memastikan sekurangnya terdapat 2 orang pada satu-satu masa;
- 3.4.1.4 Ketua PTJ hendaklah memastikan bilangan staf yang hadir diminimakan dan hanya berdasarkan kepada keperluan sahaja.
- 3.4.1.5 Bagi penugasan yang melibatkan pelajar pasca siswazah, penyelia perlu memastikan adanya keperluan yang digariskan dibawah infrastruktur penyelidikan yang meliputi 4 perkara iaitu:
 - 3.4.1.5.1 Perkhidmatan yang berkaitan dengan infrastruktur penyelidikan yang merangkumi perkara seperti berikut adalah dibenarkan mengikut keperluan kritikal sahaja;
 - 3.4.1.5.2 Penyelenggaraan alatan penyelidikan yang kritikal untuk dibuat secara berkala dan konsisten;
 - 3.4.1.5.3 Penyelenggaraan bahan penyelidikan yang kritikal dan mesti dibuat secara berkala dan konsisten;

3.4.1.5.4 Penyediaan perkhidmatan penyelidikan yang kritikal dalam menangani isu yang berkaitan COVID-19 iaitu yang berteraskan kepada penyelidikan yang bersifat essential dan kritikal (*healthcare & medical, food supply, water* dan *research* berkenaan *public health* dan *safety*);

Walaupun, dalam tempoh PKPB semua penyelidikan yang berkepentingan juga boleh dijalankan dengan syarat mengikuti SOP yang telah ditetapkan sepertimana penyelidikan yang bersifat kritikal dan essentials;

3.4.1.5.5 Adalah digalakkan penyeliaan, perbincangan bersama staf, pelajar pasca siswazah dan ahli penyelidik yang lain disarankan untuk menggunakan platform 'web conferencing' atas talian yang sedia ada seperti *Cisco Webex, Big Blue Button, Skype, Google Hangout, Zoom* dan lain-lain untuk meminimumkan aktiviti berbentuk fizikal sehingga fenomena COVID-19 dapat diatasi;

3.4.1.5.6 Aktiviti penyelidikan yang melibatkan '*field work*' di dalam universiti boleh diteruskan walaupun bagaimanapun perlu mengambil tindakan keselamatan seperti aktiviti penyelidikan di makmal. Kehadiran secara fizikal perlulah terkawal dengan tidak melibatkan kehadiran melebihi 10 orang dalam satu masa. Kebenaran juga perlu dimohon kepada Ketua PTJ dan kehadiran perlu direkodkan;

3.4.2 Aktiviti dan Protokol Makmal

Semua aktiviti yang dijalankan di makmal perlu mematuhi panduan keselamatan sepertimana yang telah digariskan oleh KKM dan turut merujuk panduan yang dikeluarkan oleh MOSTI dan KPT, yang mana diantaranya ialah:

3.4.2.1 Memastikan langkah-langkah di dalam perenggan 3.7 diamalkan dengan beberapa penambahan sepertimana berikut:

3.4.2.1.1 Pembasmian dan nyah cemar premis/makmal

3.4.2.1.1.1 Staf/pelajar pasca siswazah perlu memastikan proses sanitasi dan pembersihan dilaksanakan sebelum dan selepas aktiviti ujikaji dilaksanakan.

Staf dan pelajar pasca siswazah juga diwajibkan untuk melakukan penyahkuman (disinfeksi) di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol dan lain-lain yang berkaitan sebanyak dua kali sehari; iaitu sebelum aktiviti

penyelidikan bermula dan selepas aktiviti penyelidikan tamat (sebelum pulang).

3.4.2.1.1.2 Ketua makmal perlu menyediakan '*hand sanitizer*'/'*disinfecting kits*' di pintu masuk ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum.

3.4.2.1.2 Penjarakan sosial & tatacara keselamatan & kesihatan staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri

3.4.2.1.2.1 Staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri wajib mengenakan '*face mask*' di makmal/ruang kerja dan di semua kawasan umum.

3.4.2.1.2.2 Memastikan garis panduan penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan di ruang makmal/kerja.

3.5 Tanggungjawab Staf Makmal/Pelajar pasca siswazah

3.5.1 Staf Makmal/Pelajar pasca siswazah perlu memaklumkan kepada Ketua Makmal jika mempunyai gejala seperti demam/selsema/batuk/sakit tekak serta perlu mendapatkan pemeriksaan secara SEGERA.

3.5.2 Staf Makmal/Pelajar pasca siswazah hendaklah sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

3.5.3 Staf Makmal/Pelajar pasca siswazah hendaklah sentiasa merekodkan kehadiran melalui sistem yang ada atau buku log bagi pelajar pasca siswazah.

3.5.4 Staf Makmal dan pelajar pasca siswazah dikehendaki mematuhi Panduan Kawalan Keselamatan Kampus dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan oleh Bahagian Keselamatan, UPM.

3.6 Panduan Umum

Panduan umum ini juga dikeluarkan adalah berdasarkan kepada garis panduan dari KKM yang mana semua staf/pelajar/pelawat industri diwajibkan untuk mematuhi seperti berikut:


3.6.1 Elakkan bersalaman dan bersentuhan.


3.6.2 Melaksanakan penjarakan sosial 1 meter daripada orang lain.

3.6.3 Memakai '*face mask*', kerap membasuh tangan dan melaksanakan tindakan sepertimana yang disarankan oleh KKM.

- 3.6.4 Mengelakkan perhimpunan/perbincangan yang melibatkan lebih 10 orang dalam satu masa.
 - 3.6.5 Melaksanakan kerja-kerja sanitasi ruang kerja di makmal dan sekitar kawasan makmal seperti tombol pintu/permukaan meja/peralatan makmal dan yang dirasakan perlu dan berisiko.
 - 3.6.6 Hanya satu pintu masuk sahaja yang dibenarkan dibuka ketika waktu bekerja bagi tujuan pengawalan keluar masuk staf/pelajar pasca siswazah/pelawat industri.
 - 3.6.7 Pelajar yang didapati suhu melebihi 37.5 celsius adalah tidak dibenarkan masuk.
- 3.7 Pelanggaran Peraturan
- 3.7.1 Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap staf/pelajar pasca siswazah yang gagal mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa.
- 3.8 Tarikh Kuatkuasa
- 3.8.1 Garis panduan pelajar pasca siswazah mod penyelidikan menjalankan aktiviti penyelidikan di UPM Pasca PKP adalah berkuatkuasa mulai 20 Mei 2020 sehingga satu tempoh yang ditentukan oleh Universiti. Panduan ini juga dikeluarkan adalah bertujuan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 di Universiti dan ianya juga tertakluk kepada apa-apa arahan/perubahan/perintah baharu oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau Kerajaan.

**Disediakan oleh
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Mei 2020**







BORANG PENGISYTIHARAN KESIHATAN / HEALTH DECLARATION FORM



1. Adakah anda mengalami gejala-gejala berikut?
Do you have these symptoms?

a) Demam / Fever	Ya / Yes	Tidak / No
b) Batuk / Cough	Ya / Yes	Tidak / No
c) Selsema / Flu	Ya / Yes	Tidak / No
d) Sesak nafas / Difficulty in breathing	Ya / Yes	Tidak / No

2. Adakah anda pernah disahkan positif COVID-19?
Have you being declared as a positive COVID-19?

	Ya / Yes	Tidak / No
--	----------	------------

3. Adakah anda mempunyai kontak rapat dengan mereka yang disahkan POSITIF COVID-19?
Do you have history of close contact with anyone who has been Diagnosed as COVID19 POSITIVE?

	Ya / Yes	Tidak / No
--	----------	------------

4. Adakah anda mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 14 hari yang lepas?
Do you have history of travelling to overseas for the last 14 days?

	Ya /Yes	Tidak / No
--	---------	------------

5. Adakah anda sedang menjalani perintah kawalan kuarantin di rumah yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia?
Are you currently under strict home quarantine as instructed by Ministry of Health Malaysia?

	Ya / Yes	Tidak / No
--	----------	------------

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah betul dan tepat. Tindakan boleh dikenakan jika maklumat yang diberikan adalah palsu.

I hereby declare that all the information given in this form is true and correct. Action can be taken if the information provided is false.

Nama / Name :

No. KP / NRIC:.....No. Tel :

Syarikat:.....

T/Tangan / Signature :

Definition close contact :

- Health care associated exposure, including providing direct care for COVID-19 patients, working with health care workers infected with COVID-19, visiting patients or staying in the same close environment of a COVID-19 patient.
- Working together in close proximity or sharing the same classroom environment with a with COVID19 patient
- Traveling together with COVID-19 patient in any kind of conveyance
- Living in the same household as a COVID-19 patient.

UNTUK DIISI OLEH PETUGAS KESIHATAN

Tekanan Darah	
Suhu	
Nadi	
Kadar Penafasan	

KADAR RISIKO : RENDAH / TINGGI

PENGESAHAN DOKTOR
(potong yang tidak bekernaan)

Saya mengesahkan bahawa pada hari ini saya telah memeriksa

_____ (nama)

_____ (no kad pengenalan)

Dan mendapati bahawa beliau sihat/ tidak sihat.

Tandatangan Doktor _____

Nama Doktor _____

Kelulusan dan Cop Rasmi Klinik _____

Tarikh _____